

Kerajaan tumpu pematuhan SOP, bukan lagi kawalan pergerakan
Astro Awani
08 Jun 2020

PUTRAJAYA: Pihak berkuasa akan menumpukan kepada pematuhan prosedur operasi standard (SOP) selepas ini dan tidak lagi memfokuskan kepada kawalan pergerakan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, tiada lagi sekatan jalan raya bagi mengawal pergerakan rakyat selepas ini namun, sekatan jalan raya melibatkan operasi jenayah masih ada.

“Tiada lagi kawalan pergerakan, kita dah bebas. Semua orang bebas bergerak rentas daerah, rentas negeri, nak keluar makan, nak ke mana pun semua telah dibebaskan tapi SOP masih ada.

“Boleh gunting rambut, buat facial tapi SOP tetap ada. Pemantauan pihak berkuasa, mungkin buat spot check dan sebagainya ke tempat yang kita benarkan operasi supaya SOP dipatuhi rakyat.

“Sekarang rakyat mesti mematuhi SOP ditetapkan kerajaan,” katanya dalam sidang media harian di sini pada Isnin.

© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-tumpu-pematuhan-sop-bukan-lagi-kawalan-pergerakan-246200>